




Makam Dato' Dol Said yang terletak di-tepi sawah di-Taboh Naning.

Perwira

Dato' Dol Said

Di-Peringati

Di-Taboh Naning

oleh: HAJI MUBIN SHEPPARD

MENGIKUT riwayat lama Melayu, orang Minangkabau yang julong kali tinggal di-pantai barat Tanah Melayu itu bernama DATO' PERPATEH PINANG SEBATANG. Riwayat ini juga mengatakan bahawa ia telah memilih suatu kawasan lebeh kurang 20 batu ka-darat dari Melaka untuk tempat kediaman-nya dan telah memanggil tempat itu NANING.

DATO' PERPATEH telah beristerikan sa-orang gadis bangsa Melayu Asli dan ia telah mengajak pengikut2-nya yang lain berkahwin dengan orang2 Melayu Asli yang telah ada di-situ, dan tidak berapa lama kemudian-nya kawasan kediaman mereka bertambah luas dan penduduk-nya pun bertambah ramai. Sa-bagai tanda kuasa-nya di-daerah itu, Dato' Perpateh telah menggelarkan diri-nya **Orang Kaya Seri Maharaja Merah, Dato' Naning**. Alat kebesaran-nya mengandongi sa-bilah Keris, sa-bilah Lembing dan Chap Mohor-nya yang telah di-bawa-nya dari Minangkabau. Dia ada juga mempunyai sa-pasang baju Kesaktian yang di-panggil '*Baju Sa-kepal Setampok Pinang*'.

Sa-telah Dato' Naning yang pertama itu meninggal, ia telah di-gantioleh Dato'2 yang lain, dan tiap2 daripada mereka itu telah di-lantek daripada keluarga Suku-nya, tetapi chatetan namaz mereka itu telah hilang.

Kesah sa-buah negeri yang ma'mor yang bergelar **Naning** itu pun sampai-lah ka-pengetahuan D.Y.M.M. Sultan Johor, dan Naning termasuk-lah di-antara 'Negeri Sembilan' yang mempunyai pertalian dengan negeri Johor dalam kurun yang ketujuh belas. Antara negeriz lain didalam kumpulan 'Negeri Sembilan' itu, termasuk-lah **Rembau, Sungai Ujong, Johor dan Jelebu**, yang telah wujud beberapa lama lepas Naning di-buka.

Manakala orang2 Belanda menawan negeri Melaka daripada Peringgi pada tahun 1641, orang2 Belanda itu telah menghantar suatu angkatan bersenjata untuk mengembangkan jajahan ta'alok mereka hingga ka-kawasan Naning itu. Dato' Naning terpaksa membuat satu perjanjian dengan Belanda serta mengaku bahawa tiap2 orang yang menjadi Dato' Naning hendak-lah menerima pengakuan lantekan-nya oleh pemerintahan Belanda di-Melaka, dan ia berjanji akan datang ka-Melaka sa-tahun sa-kali untuk menghormati Gabenor Belanda dan juga menerima nasihat-nya. Perjanjian itu jua menetapkan bahawa Naning akan membayar Chukai sa-banyak satu persapuluh daripada hasil padi mereka kepada pemerintahan Belanda di-Melaka pada tiap2 tahun.

Ada pun chukai padi ini tiada-lah dapat di-kutip oleh pemerintahan Belanda

itu dan pada akhir-nya banyak padi yang di-hantarkan ka-Melaka itu hanya-lah sa-bagai tanda sahaja. Pemerintahan Belanda itu mengetahui bahawa jika mereka bersungguh2 berkehendakkan chukai padi itu, mereka terpaksa menghantar angkatan bersenjata untuk memaksa pungutan chukai itu dan perbuatan yang demikian itu akan memakan belanja yang lebeh banyak lagi daripada hasil mereka akan perolehi. Mereka pun sedia memejamkan mata mereka apakala mereka dapati yang mereka menerima hanya lebeh kurang satu peratus sahaja daripada hasil padi yang di-keluarkan dari kawasan Naning pada tiap2 tahun. Dalam tahun 1765, pemerintahan Belanda itu telah mengubahkan perjanjian mereka dengan Dato' Naning itu dan bersetuju menurunkan chukai hasil itu dan sanggup menerima 400 gantang sahaja pada tiap2 tahun.

Pemerintahan Belanda telah menyerahkan Melaka kepada British dalam tahun 1795, tetapi mereka tiada memberi tahu British akan pindaan perjanjian mereka dengan Naning itu dan mereka hanya menunjukkan kepada British perjanjian yang mana Naning telah bersetuju membayar chukai sa-banyak 10 peratus daripada hasil padi mereka.

Dalam tahun 1802, Dato' Naning yang kelapan (mengikut chatetan Belanda itu), **Dato' Anjak** pun meninggal



Yang Berhormat Enche' Ghaffar Baba, Ketua Menteri Melaka merasmikan tapak peringatan Dato' Dol Said, di-Taboh Naning pada 18hb. April, 1966.

dunia dan tempat-nya telah di-gantikan oleh anak saudara-nya, **Dato' Abdul Said**. Lantekan-nya itu pun di-akui oleh British mengikut charaz yang telah diperbuat oleh Belanda dahulu. Dalam kiraz 12 tahun sa-lepas itu, British telah menumpukan tenaga mereka menyelenggarakan pemerintahan bandar Melaka dan kawasan yang berdekatan dengan-nya, dan Dato' Dol Said pun terus memerintah Naning dengan tidak di-ganggu oleh siapaz. Wilayah Naning itu termasuk hampir semua kawasan yang di-panggil Jajahan Alor Gajah pada masa sekarang.


Belanda telah balek memerintah Melaka sa-mula buat sementara dari tahun 1815 hingga 1824, tetapi mereka kemudian-nya telah menyerahkan sakalian kuasa dan jajahan ta'alok mereka di-Tanah Melayu kepada British dan Melaka pun di-duduki sa-mula oleh pemerintahan British.

Pemungut hasil tanah sa-lepas British kembali ka-Melaka dalam tahun 1824 itu bernama **Lewis**. Dia mempunyai seorang isteri berbangsa Belanda dan harus juga perempuan itu dengan sengaja telah

membuat helah untuk memalukan pemerintahan British itu. Ia telah memberitahu Lewis bahawa chukai padi sa-banyak

satu persapuluh daripada Naning itu maseh berjalan dengan kuat-kuasa-nya, dan Lewis pun menghantar pemungut chukai dari Melaka untok memungut hasil padi dari Naning. Sunggoh pun Dato' Naning yang terdahulu dari itu telah membuat perjanjian dengan Belanda membenarkan mereka memungut chukai padi itu, Dato' Dol Said menunjukkan semangat kebebasan-nya dan ia tidak membenarkan pemungut2 hasil itu mengambil padi dari kawasan-nya dan mereka pun terpaksa pulang ka-Melaka meminta bantuan tentera.

Pemerintahan British di-Melaka telah melanjutkan perkara itu ka-India, dan Pegawaiz British di-India pula telah berutus dengan Pusat Pemerintahan di-London berkenaan dengan perkara itu. Dalam tahun 1830 baharu-lah British menetapkan hendak menjalankan pungutan hasil itu. Mereka telah menulis sapuchok surat kepada Dato' Dol Said menarek perhatian-nya kepada Perjanjian yang terdahulu itu, tetapi Dato' Naning telah menjawab mengatakan ia tidak sakaliz bersetuju dengan pungutan chukai itu dan ia menuntut kemerdekaan yang penoh. Yang demikian maka British pun menghantar suatu angkatan bersenjata yang mengandongi 150 orang soldadu



Makam Dato' Naning yang kedua (kira2 tahun 1648).

India, dan dua buah meriam, tetapi orang2 Naning telah menunjukkan kecekapan mereka di-dalam peperangan di-hutan dan telah memaksa British berundur dengan meninggalkan meriam2 mereka. Di-dalam pertemporan yang pertama ini Naning telah mendapat bantuan dari R mbau, tetapi kemudian-nya Pembesar di-R mbau yang bernama Raja Ali itu telah di-pujuk oleh British supaya menyokong mereka dan meninggalkan Dato' Dol Said.

Dalam tahun 1832, British telah membawa sa-ramai 1000 orang tentera dari India dan melancarkan serangan baharu ka-atas Naning. Dengan segala keberanian dan kehandalan dalam chara peperangan gerila, Dato' Dol Said telah mempertahankan kemaraan musuh itu, dan walaupun pun musuh itu tiga kali ganda banyak-nya daripada orang2 Naning itu, angkatan British itu tiada sampai ka-Taboh (hanya 22 batu jauh-nya) hingga enam bulan lama-nya mulai dari tarikh mereka itu mula2 bergerak menyerang. Dalam masa itu, orang2 Naning itu telah dapat menghapuskan beberapa banyak tentera dan Pegawaiz angkatan yang melanggar mereka itu.

Akhir-nya, kubu pertahanan di-Taboh itu pun jatuh-lah pada 15hb. Jun, 1832, dan Dato' Dol Said berserta dengan pengikut2-nya pun telah undor ka-Negeri Sembilan di-mana mereka tinggal selama 18 bulan. Tiada lama sa-lepas mereka menawan Taboh, British pun menghapuskan jawatan Dato' Naning dan mereka telah melantek sa-orang Pegawai dari Melaka yang bernama **Westerhout** untuk mentadbirkan kawasan Naning.

Dato' Dol Said telah menyerah diri kepada British dalam bulan Februari 1834 dan ia telah di-ampun serta di-beri sa-buah rumah kediaman di-Melaka dan penchen sa-banyak sa-ratus rupiah sabulan. Ia telah tinggal di-Melaka hingga tahun 1849 di-mana ia sangat2 di-hormati dengan kebijaksanaan-nya sa-bagai sa-orang dukun. Manakala kesihatan-nya telah terganggu kerana tua dan ia telah hampir maut-nya, ia pun di-bawa balek ka-Naning di-mana ia telah meninggal



Dato' Muhammad Shah (kiri) dan Yang Berhormat Enche' Ghaffar Baba, Ketua Menteri Melaka (tengah2) datang melawat ka-makam Dato' Naning. Kubu pertahanan yang akhir Dato' Dol Said, dapat di-lihat di-belakang sa-belah kanan.

dan di-kebumikan berhampiran dengan perkuboran Dato'2 Naning yang terdahulu daripada-nya dan berhampiran pun dengan pinggir sawah padi yang mana ia telah mempertahankan hasil-nya daripada terchukai. Chukai padi yang menyebabkan perjuangan-nya tiada di-pungut hingga akhir-nya.

Jawatan Dato' Naning itu telah ditubuhkan sa-mula oleh British dalam tahun 1923 dan Dato' Naning yang menyandang jawatan itu sekarang, **Dato' Mohamad Shah bin Mohamad Said** ia-lah orang yang ke-16 menyandang gelaran itu semenjak Pemerintahan Belanda menchatetkan nama Dato'2 Naning.

Untuk memperingati Dato' Dol Said dan perwiraz-nya di-atas keberanian mereka mempertahankan kebebasan Naning, maka *Persatuan Sejarah Malaysia* telah meminta kebenaran Kerajaan Negeri Melaka mendirikan satu Papan Per-

ingatan di-tepi jalan Taboh tidak berapa jauh dari kubor Dato' itu, dan papan itu telah di-rasmikan oleh **Ketua Menteri Melaka, Yang Amat Berhormat Enche' Ghaffar bin Baba**, pada hari Isnin 18hb. April 1966, di-hadapan Yang Amat Mulia Dato' Naning yang keenam belas, Pegawai Daerah Alor Gajah, Pengarah Muzium Negara, wakil2 Persatuan Sejarah, Orang2 Besar Naning dan orang ramai.

Tuan Haji Hamdan bin Sheikh Tahir telah berucap bagi pihak Persatuan Sejarah, dan Dato' Mohamad Shah telah memberi satu ucapan yang bersemangat mengenai Adat Naning. Ketua Menteri Melaka telah memuji Dato' Dol Said sa-bagai sa-orang penganjor yang julong kali menuntut kemerdekaan, dan telah menguchapkan terima-kaseh kapada Persatuan Sejarah kerana daya usaha mereka memperingati perwira Melayu itu.